

CNS0950

R GB 02-06 00184 BD975

Bah

Mahathir - Buku

MALAYSIA BUAT PILIHAN BIJAK BERALIH KEPADA PERINDUSTRIAN

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia telah membuat pilihan yang bijak apabila beralih kepada perindustrian dan tidak bergantung semata-mata kepada barangan komoditi.

Katanya, sekiranya Malaysia masih bergantung kepada komoditi seperti timah dan getah pada masa ini, sudah tentu negara ini tidak dapat mengecapi kemajuan seperti sekarang.

"Kita telah membuat keputusan yang bijak apabila beralih kepada perindustrian. Cuba bayangkan apa akan terjadi kepada kita pada hari ini kalau kita terus bergantung kepada timah dan getah," katanya ketika berucap melancarkan buku "Berutusan Dengan Perkhidmatan Awam Malaysia" dan "Panduan mengenai Piagam Pelanggan" di sini hari ini.

Katanya, kerajaan sedar akan bahaya yang bakal dihadapinya sekiranya terus bergantung kepada barangan komoditi yang terdedah kepada manipulasi pasaran antarabangsa.

Oleh itu, katanya, keputusan kerajaan mengalihkan perhatian kepada bidang perindustrian adalah satu langkah yang bijak selepas mengambil kira trend harga komoditi yang tidak tentu hala dan potensi bidang perindustrian ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju. -- Lagi

▼02/06/19-22MST

CNS0995

R GB 02-06 00140 BD976

Bah

Mahathir - Buku 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, pilihan yang bijak itu kini diteruskan pula dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju pada tahun 2020.

Katanya, walaupun agak sukar untuk merealisasikan matlamat itu, kerajaan yakin kerjasama rapat antara sektor awam dan swasta serta penglibatan setiap lapisan rakyat, Malaysia mampu melakukannya seperti keupayaannya mencatat kemajuan yang pesat sekarang.

"Banyak tafsiran yang telah dibuat mengenai angka 2020. Tetapi kerajaan yakin matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020 boleh dicapai," katanya.

Mengenai Persyarikatan Malaysia, Perdana Menteri berkata, dasar itu adalah hasil "Dasar Pandang Ke Timur" yang dilancarkan kerajaan kira-kira sedekad yang lalu.

Katanya, dasar itu adalah sama dengan "Dasar Persyarikatan Jepun" yang menitikberatkan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta untuk memajukan negara. -- Lagi

▼02/06/20-55MST

CNS0996

R GB 02-06 00193 BD977

Bah

Mahathir - Buku 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, walaupun kerajaan pada mulanya kluatir hubungan rapat di antara pegawai-pegawai kerajaan dan swasta boleh menyebabkan penyelewengan, selepas mengambil kira bahawa penyelewengan boleh berlaku pada bila-bila masa, kerajaan memutuskan untuk meneruskan juga dasar itu.

Kini, katanya, dasar itu sudah pun mula menunjukkan kejayaan tetapi masih banyak yang boleh dilakukan oleh sektor awam dan swasta untuk menjamin keberkesannya.

Katanya, perkhidmatan yang cekap oleh perkhidmatan awam di negara ini amat penting bagi menjayakan dasar itu kerana tanpa kecekapan perkhidmatan awam dalam melaksanakan tanggungjawabnya membantu sektor swasta, akan menyukarkan sektor swasta membuat keuntungan dan sekaligus mengurangkan pendapatan kerajaan dari segi cukai.

"Sebenarnya gaji anggota perkhidmatan awam dibayar menerusi cukai yang dikutip dari sektor swasta. Apabila cukai berkurangan, agak sukar untuk kerajaan menaikkan gaji anggota perkhidmatan awam tetapi kalau cukai yang dikutip itu tinggi, perkhidmatan awam juga boleh mendapat gaji yang lebih baik," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara ini juga bernasib baik kerana mempunyai perkhidmatan awam yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan semasa dan anggotanya pula menunjukkan keupayaan untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan secara berkesan. -- Lagi

▼02/06/20-56MST

CNS0998

R GB 02-06 00164 BD978

Bah

Mahathir - Buku 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Terdahulu itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, rancangan sedang diatur untuk mengadakan kursus khas kepada anggota perkhidmatan awam di peringkat pertengahan dan rendah mengenai Dasar Persyarikatan Malaysia.

Kursus itu, katanya, penting kerana kefahaman mengenai konsep dan semangat Persyarikatan Malaysia di kalangan kumpulan itu masih belum memuaskan berbanding dengan pegawai-pegawai di peringkat atasan.

Mengenai buku yang dilancarkan itu, Ahmad Sarji berkata, ia terbahagi kepada tiga bahagian dengan bahagian pertama menghuraikan secara terperinci profil setiap kementerian dan jabatan.

Bahagian kedua pula memuatkan panduan kepada para pelabur mengenai keperluan pelesenan perniagaan, perindustrian dan insentif-insentif pelaburan manakala bahagian ketiga, menyenaraikan alamat dewan-dewan perniagaan dan pertubuhan-pertubuhan profesional di negara ini.

"Panduan Mengenai Piagam Pelanggan" pula, katanya, merupakan persetujuan bertulis yang dibuat agensi-agensi kerajaan kepada orang ramai sebagai jaminan bahawa setiap pelanggan akan diberi jaminan kualiti terhadap perkhidmatan yang disediakannya. -- Bernama

AH OA

▼02/06/20-57MST